

UBD rangkul piala kejohanan futsal

Oleh Ak Zaki Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 FEB – Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menganjurkan kejohanan futsal kelmarin bertempat di Kompleks Sukan, UBD.

Kejohanan berkenaan dianjurkan oleh Eksekutif Sukan dan Rekreasi, PMUBD, dengan kerjasama Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) sebagai sebahagian daripada acara Piala Canselor 2022.

Sejumlah sembilan institusi pengajian tinggi tempatan menyertai kejohanan tersebut termasuk UBD, UTB, KUPUSB, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Politeknik Brunei (PB), Kolej IGS, Kolej Cosmopolitan (COSMO), dan Kolej Perdagangan Laksamana (LCB).

Empat pasukan yang mara ke peringkat separuh akhir dan akhir ialah UBD, UTB, COSMO serta LCB.

Hadir selaku tetamu kehormat pada perlawanan peringkat separuh akhir dan akhir berkenaan ialah Dekan Pelajar UBD, Awang Saidai bin Haji Hitam yang juga seterusnya berkesudian menyempurnakan majlis



Pemain pasukan UBD bergambar ramai bersama pingat dan trofi yang dimenangi.

penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Majlis penutup terdiri daripada pengumuman pemenang berserta penyampaian pingat. Pasukan UBD telah berjaya menjuarai kejohanan tersebut, diikuti COSMO di tempat kedua, dengan LCB dan UTB masing-masing berada di tempat ketiga dan keempat.

Piala Canselor telah ditubuhkan

dengan tujuan untuk mempromosikan pembangunan sukan dan persaingan antara universiti tempatan dan institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Acara tahun ini dihoskan oleh UBD, UNISSA, KUPUSB, dipimpin oleh UTB. Kejohanan dalam Piala Canselor bukan sahaja merangkumi acara sukan, tetapi juga pertandingan kebudayaan dan keagamaan.